



JABATAN PERDANA MENTERI  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



bheuuipm



www.bheuu.gov.my

E-BULETIN

EDISI MEI & JUN 2022 BHEUU



*Selamat Datang*

**YBHG. DATUK ABD SHUKOR  
BIN MAHMOOD**

dilantik sebagai Ketua Pengarah  
Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang



**SELAMAT HARI RAYA  
AIDILFITRI!**

Majlis Sambutan Aidilfitri  
YAB Perdana Menteri Bersama  
Warga Jabatan Perdana Menteri  
di Puspanitapuri, Putrajaya

17 MEI 2022 (SELASA)



# Tahniah DAN SELAMAT DATANG

Tahniah dan Selamat Datang kepada YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri yang baharu.

Ketibaan beliau disambut oleh YBrs. Puan Azlin binti Azizan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) serta pegawai-pegawai kanan BHEUU.

Selesai Majlis Penyerahan dan Menandatangani Nota Terima Tugas, YBhg. Datuk Ketua Pengarah telah diberikan taklimat ringkas mengenai BHEUU dan agensi. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU.



## MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI DI PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA.

Berkonsepkan Keretapi Ekspres Rakyat Malaysia, Gerai Juadah Hari Raya BHEUU telah memenangi tempat Ke-2 Pertandingan Gerai Terbaik. Pelbagai juadah raya disediakan seperti apam balik, rojak buah, mi kari, bihun sup dan minuman sirap selasih.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob turut meluangkan masa beramah mesra dengan tetamu yang hadir dan menikmati juadah hari raya serta menyampaikan hadiah kepada Jabatan / Agensi di bawah JPM yang memenangi Pertandingan Gerai Terbaik.

Turut hadir YBhg. Datuk Abd Shukor Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU, YBrs. Tuan Abdul Aziz Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan), YBrs. Puan Azlin Azizan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan BHEUU.



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar bersiaran di dalam slot Bicara Naratif, RTM TV1 bagi mengupas topik “RUU Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti: Keperluan, Cabaran & Pelaksanaan”.



**20 – 22 MEI 2022 (JUMAAT – AHAD)**



Bengkel Analisis  
Strategik Akta 258,  
Seksyen Dasar dan  
Penyelidikan BHEUU  
di Melaka.

**26 MEI 2022 (KHAMIS)**



Wawancara Khas YB Menteri bersama wakil media daripada Berita Harian Online, Utusan Online, NST Online, Sinar Harian dan The Star berhubung Rang Undang-undang Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti.

**27 MEI 2022 (JUMAAT)**

*Salam Takziah*

Salam takziah daripada seluruh warga BHEUU buat keluarga YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar di atas pemergian isteri tercinta Almarhummah YBhg. Datin Sri Hajjah Feona Sim @ Norjanah ke rahmatullah pada 27 Mei 2022. Semoga roh Almarhummah dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.



**30 MEI 2022 (ISNIN)**

## **MAJLIS BACAAN YASSIN UNTUK ARWAH YBHG. DATIN SRI HAJJAH FEONA SIM @ NORJANAH, ISTERI KEPADA YB MENTERI BHEUU**

Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil telah diadakan pada 30 Mei 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10 BHEUU. Majlis bacaan Yassin ini telah dipimpin oleh Encik Azril Wanchik, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Dasar & Penyelidikan BHEUU.



## **MESYUARAT PEMANTAUAN PMC-19 BIL. 2/2022**

Pada 1 Jun 2022 berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) Bilangan 2 Tahun 2022 di PMC-19, Kompleks Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Abd Shukor Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU.

Mesyuarat secara berkala ini merupakan platform yang diwujudkan untuk melaksanakan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan PMC-19. Jawatankuasa ini perlu bersidang setiap suku tahun atau apabila perlu bagi memantau perjalanan inisiatif mediasi di bawah PMC-19.

Selain pegawai-pegawai BHEUU dan PMC-19, mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian, Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Society dan Advocate Association of Sarawak.

Pengerusi memaklumkan walaupun tempoh operasi PMC-19 hampir tamat iaitu pada 22 Oktober 2022, namun masih belum terlambat untuk ahli jawatankuasa memberikan sebarang penambahbaikan dan cadangan berkaitan inisiatif PMC-19 bagi memastikan proses pengantaraan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini selaras dengan matlamat asal penubuhan PMC-19 iaitu membantu pihak-pihak yang terkesan dalam melaksanakan obligasi kontraktual semasa pandemik COVID-19.



**2 JUN 2022 (KHAMIS)**

## **MESYUARAT DASAR PENGURUSAN HARTA YANG DISITA DAN DILUCUT HAK OLEH PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL (NFCC)**

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mempengerusikan mesyuarat ini pada 2 Jun 2022 bertempat di BHEUU, Putrajaya. Pelbagai aspek dibincangkan bagi memastikan tindakan yang diambil tidak merugikan malah melindungi perkara yang berkaitan.

Turut hadir YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Wira Mas Ermieyati binti Haji Samsudin dan Ketua Pengarah NFCC, YBhg. Datuk Seri Haji Mustafar bin Haji Ali serta pegawai-pegawai kanan BHEUU dan NFC.



**9 JUN 2022 (KHAMIS)**

## **SEMINAR PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI, BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2022**



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah merasmikan Seminar Perlindungan Saksi, Bahagian Perlindungan JPM Tahun 2022 pada 9 Jun 2022 bertempat di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak.

Penganjuran program seumpama ini sebagai satu tanda komitmen Kerajaan dalam menjunjung dan mendaulatkan undang-undang yang menjadi salah satu asas kerukunan negara ini. Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) merupakan satu-satunya Akta yang memperuntukkan satu program perlindungan saksi yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri bagi menangani gejala ugutan dan ancaman kepada saksi-saksi jenayah berat terutamanya kes jenayah terancang / sindiket dan melibatkan kepentingan awam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang JPM Datuk Abd Shukor Mahmood, Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan JPM Khairul Anwar Zakaria dan Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri.

**13 JUN 2022 (KHAMIS)**



## **SIDANG MEDIA KHAS OLEH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) BERHUBUNG ISU PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI DI MALAYSIA**

Pada 13 Jun 2022 (Isnin) satu Sidang Media Khas oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah diadakan di BHEUU bagi memberikan penjelasan lanjut tentang isu Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori di Malaysia.

Turut hadir YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Wira Mas Ermieyati binti Haji Samsudin dan Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan), YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi dan YBrs. Dr. Punitha a/p Silivarajoo, Pengarah Seksyen Dasar & Penyelidikan BHEUU serta pegawai-pegawai BHEUU.



**13 JUN 2022 (ISNIN)**

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah bersiaran selama 45 minit di dalam slot Agenda Awani bagi mengupas topik “Hukuman Mati di Malaysia: Cabaran dan Hala Tuju”.



BILIK MESYUARAT

PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA

(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)



JABATAN PERDANA MENTERI  
PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG

# *Kunjungan Hormat* dan Perjumpaan Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

**18 MEI 2022 (RABU)**



Perjumpaan YB Menteri Bersama Dato' Sri Idris Jala, Tan Sri Mohamed Nazir Razak dan Tun Musa Hitam.

**24 MEI 2022 (SELASA)**



Kunjungan Hormat Senator Robert Lau Hui Yew, Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Luar Bandar Sibul, Sarawak ke atas YB Menteri.

24 MEI 2022 (SELASA)

Kunjungan Hormat Yayasan Dakwah Tabligh ke atas YB Menteri.



Kunjungan Hormat Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, YBrs. Tuan Monaj Kurup ke atas YB Menteri.



**25 MEI 2022 (RABU)**

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Solehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri ke atas YB Menteri.



26 MEI 2022 (RABU)

Kunjungan Hormat Mr. Richard Graham MP,  
UK Prime Minister's Trade Envoy ke atas YB Menteri.



**2 JUN 2022 (KHAMIS)**

Kunjungan Hormat Jabatan Perisikan Dan Profiling LHDN.



**13 JUN 2022 (ISNIN)**

Kunjungan Hormat Pengarah Dasar  
Kepenjaran, Jabatan Penjara  
Malaysia, YBrs. Tuan Supri Hashim ke  
atas YB Menteri.



**14 JUN 2022 (SELASA)**

Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Syed Hood Al Aydrus ke atas YB Menteri.



**16 JUN 2022 (KHAMIS)**

Kunjungan Hormat Sempena Persaraan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti & Antirasuah Nasional (GIACC), YBhg. Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan ke atas YB Menteri.



20 JUN 2022 (ISNIN)

Pertemuan YB Menteri bersama pendakwah bebas dari Yaman, Sheikh Abdul Khaliq Hussain.



Kunjungan Hormat Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Idrus Harun ke atas YB Menteri.



# PEGAWAI BAHARU

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MEI DAN JUN 2022



**PUAN NURAZILA BINTI AZIZAN**  
Pegawai Penerangan Gred S48  
Tarikh lapor diri : 9 Mei 2022



**PUAN NOOR HASLINDA BINTI AHMAD**  
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44  
Tarikh lapor diri : 9 Mei 2022

# PEGAWAI BAHARU

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MEI DAN JUN 2022



**ENCIK NOR AZMAN BIN AHMAD**  
Penolong Pegawai Tadbir Gred N36(M)  
Tarikh lapor diri : 7 Jun 2022



**PUAN SITI ZUHANA BINTI AZIZ**  
Pen.Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 (KUP)  
Tarikh lapor diri : 13 Jun 2022

# PEGAWAI BERTUKAR

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MEI DAN JUN 2022



**PUAN SITI SALEHA BINTI DAHLAN**  
Pegawai Penerangan Gred S48  
Jabatan Baru : Kementerian Tenaga dan Sumber Asli



**PUAN NORAINI BINTI MOHD KAIR**  
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44  
Jabatan Baru : Kementerian Kesihatan Malaysia

# PEGAWAI BERTUKAR

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MEI DAN JUN 2022



**ENCIK MOHD SHOKRI BIN OMAR**

Penolong Pegawai Tadbir N36

Jabatan Baru : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



**PUAN INTAN SURIANI BINTI ABDUL RAZAK**

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29

Jabatan Baru : Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



JABATAN PERDANA MENTERI  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

*Diterbitkan Oleh:*

### **Unit Komunikasi Korporat**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)  
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tel : 03-88851000**

**Faks : 03-88851062**

**E-mel : [bheuu.korporat@bheuu.gov.my](mailto:bheuu.korporat@bheuu.gov.my)**